NO SOALAN :44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN (PADANG BESAR)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**06.11.2014**

Y.B. DATO' ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kerugian yang dihadapi oleh MAS dan KTMB dan apakah langkah-langkah yang dilakukan untuk menyelamatkan agensi-agensi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysian Airline System Bhd (MAS)

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) mula mencatatkan kerugian pada tahun 1997 dengan kerugian selepas cukai sebanyak RM259.9 juta dan kerugian berkenaan terus meningkat kepada RM835.6 juta pada tahun 2001, kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia pada masa tersebut. MAS kembali mencatatkan keuntungan pada tahun 2002 hingga 2004 setelah melaksanakan penyusunan semula melalui *Widespread Assets Unbundling* (WAU). Walau bagaimanapun, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM1.25 bilion pada tahun 2005 dan RM133 juta pada tahun 2006 disebabkan kenaikan harga bahan api di pasaran dunia. Bagi memulihkan kedudukan kewangannya, MAS telah melaksanakan beberapa strategi dan program merangkumi Pelan Pemulihan Perniagaan (Business Turnaround Plan 1 – BTP1) pada Februari 2006 dan BTP2 pada Januari 2008. Susulan pelaksanaan strategi berkenaan, MAS Berjaya mencatatkan keuntungan mulai tahun 2007 sehingga 2010.

MAS kembali mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dengan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion disebabkan kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo dan

juga peningkatan kos operasi merangkumi kos bahan api dan kos bukan bahan api seperti peruntukan pemulangan pesawat, peruntukan susut nilai pesawat kargo dan peruntukan stok usang. Melalui pelaksanaan langkah-langkah strategik di bawah pelan perniagaannya yang komprehensif, MAS telah berjaya memulihkan prestasi kewangan syarikat dengan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM431 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.52 bilion pada tahun sebelumnya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, MAS telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 10% kepada RM15.1 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun 2012 berikutan peningkatan jumlah trafik penumpang. Walau bagaimanapun, MAS masih mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.174 bilion. Kerugian ini disebabkan peningkatan kos bahan api, kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding US Dolar (*Forex Loss*) dan kos pemulangan pesawat. Untuk tempoh enam (6) bulan pertama tahun 2014, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM750 juta iaitu 65% lebih tinggi dibandingkan pada tempoh yang sama pada tahun 2013.

Selain peningkatan kos operasi, kehilangan pesawat MH370 dan insiden MH17 turut memberi kesan ke atas kedudukan kewangan MAS untuk tempoh 6 bulan pertama 2014 dengan mencatatkan kerugian sebanyak RM750 juta berbanding kerugian RM455 juta untuk tempoh sama tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 29 Ogos 2014, Khazanah telah mengumumkan Pelan Pemulihan MAS yang melibatkan rombakan menyeluruh syarikat penerbangan tersebut. Pelan Pemulihan ini merangkumi elemen tadbir urus dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta persekitaran pengawalseliaan dan pemudah yang dibahagikan kepada 12 rangka kerja seperti berikut:

1. menubuhkan syarikat baharu bagi menempatkan "MAS Baru", menyahsenarai MAS (syarikat sedia ada) dan penyenaraian semula "MAS Baru". Penyahsenaraian MAS adalah langkah pertama dalam proses penstrukturan semula secara menyeluruh bagi melindungi

kepentingan pemegang saham minoriti daripada risiko pelaksanaan serta memberi peluang kepada MAS dan Khazanah untuk membuat keputusan secara pantas dan berkesan;

2. Menyediakan dana sehingga RM6 bilion untuk penyusunan semula serta pelaburan dan mengurangkan nisbah bersih hutang berbanding dana pemegang saham kepada 120%;

3. Menetapkan semula model perniagaan yang mampan melalui rangkaian perkhidmatan yang memberi fokus kepada pasaran serantau, struktur kos yang lebih rendah dan penekanan yang lebih kepada pengurusan hasil;

4. Menyatukan operasi teras dan ibu pejabat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);

5. Mengukuhkan jaminan, integriti dan fungsi keselamatan;

6. Mengkaji dan merundingkan semula kontrak bekalan;

7. Memperkukuhkan barisan kepimpinan;

8. Menyesuaikan saiz tenaga kerja, dengan anggaran 14,000 kakitangan di "MAS Baru";

9. Mengukuhkan perhubungan industri dan penjajaran dalaman;

10. Latihan semula, pewujudan pekerjaan dan penempatan semula;

11. Sokongan Kerajaan yang sesuai terhadap inisiatif utama, dan

12. Komunikasi berterusan dan perhubungan dengan pihak berkepentingan.

Bagi memastikan kejayaan Pelan Pemulihan ini, Khazanah dan MAS telah melantik perunding yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing seperti penerbangan, undang-undang, kewangan, percukaian, penyelidikan dan pengurusan projek dengan jumlah bayaran kepada perunding dianggarkan berjumlah 1% hingga 2% daripada kos pelaburan keseluruhan sebanyak RM6 bilion.

Dalam menjayakan pelan pemulihan MAS, sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan atau stakeholders yang meliputi pengurusan dan kakitangan MAS, Khazanah, Kerajaan, pembekal, kontraktor, institusi kewangan dan rakyat adalah amat penting untuk membina kembali ikon penerbangan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak dikorporatkan pada tahun 1992, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah mencatat pendapatan terkumpul sehingga tahun kewangan 31 Disember 2013 (diaudit) sebanyak RM7.4 bilion. Bagaimana pun, dalam tempoh berkenaan, KTMB telah mencatat kerugian terkumpul sebanyak RM2.5 bilion. Faktor-faktor utama yang menyumbang kepada kerugian berkenaan adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

1. Kadar tambang yang rendah. Sebagai contoh, kadar tambang bagi perkhidmatan Komuter pada masa ini ialah RM0.108/km berbanding LRT pada kadar RM0.15/km; dan
2. Kos operasi yang tinggi meliputi kos penyelenggaraan infrastruktur dan gerabak, kos penggunaan tenaga elektrik dan diesel, kos tenaga kerja. Sebagai contoh keadaan infrastruktur dan gerabak yang semakin uzur iaitu di laluan Pantai Timur dan Selatan dan hampir 40% kos operasi

adalah kos tenaga kerja.

Bagi memulih dan mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat, KTMB melalui PEMANDU (*Performance Management and Delivery Unit*) telah mengadakan Makmal Transformasi KTMB di mana inisiatif-inisiatif yang dirancang untuk dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Semakan kadar tambang perkhidmatan tren penumpang dan kargo.
2. Rasionalisasi perkhidmatan tren seperti mengubahsuai jadual waktu dan menghentikan perkhidmatan yang tidak menguntungkan.
3. Memberi lebih fokus untuk meningkatkan aspek penyelenggaraan.
4. Usaha meningkatkan jumlah penumpang dan muatan kargo. Sebagai contoh dengan mewujudkan sambungan perkhidmatan bas pengantara (*feeder bus*) di stesen-stesen dan memaksimakan kapasiti bagi memenuhi permintaan pelanggan.

Dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkenaan, KTMB dijangka dapat memperoleh keuntungan sebanyak RM33.1 juta pada tahun 2015. Oleh

itu, dengan kewangan yang lebih baik, KTMB berupaya dapat meneruskan operasinya secara mampan (*sustainable operation*) seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan bantuan kewangan daripada Kerajaan.